

UMS dekati sekolah luar bandar

UM 21.5-2014 20

KOTA KINABALU 20 Mei - Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan terus memainkan peranannya dalam mengeratkan hubungan dengan komuniti setempat sekaligus memasyarakatkan ilmu bagi membolehkan pihaknya membantu meningkatkan kualiti hidup penduduk khususnya di kawasan luar bandar.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harus Abdullah berkata, hubungan antara institusi pengajian tinggi dan komuniti setempat adalah seperti aur dengan tebing iaitu saling melengkapi antara satu sama lain.

"Pembabitan UMS dalam projek-projek komuniti terutama di sekolah mampu melahirkan modal insan terbaik dalam kalangan anak-anak muda. Kita mahu para mahasiswa yang terbabit menjadi motivasi kepada pelajar sekolah untuk cemerlang dalam pelajaran," katanya dalam ucapan sempena lawatan ke Sekolah Kebangsaan St. Catherine Inanam di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir Ketua Unit Penerbitan UMS, Prof Dr. Asmady Idris.

CETUSAN
INSPIRASI
PELAJAR
TAHUN
AKHIR

MEI // 21 -28

FAKULTI SENI
GUNAAN DAN
KREATIF //

PERASMIAN //
KONSERT CIPTA //
MINI FILM FESTIVAL //
BAZAR SENI //
KOLORIUM //

Militeri seni sarawak
CIPTA 2014



POSTER Cetusan Inspirasi Pelajar Tahun Akhir (Cipta) 2014 yang diadakan hari ini hingga 28 Mei anjuran Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK) Universiti Malaysia Sarawak (Unimas).